

MAKLUMAN KEPADA PARA QUALIFIED PERSON DAN BUILDING DRAUGHTMAN  
PROSES MENGHADAPKAN PERMOHONAN KEBENARAN PERANCANGAN

**TARIKH KUATKUASA: 21 / 3 / 2020**

---

**Permohonan Kebenaran Perancangan** untuk dihadapi melalui sistem e-KP seperti lazimnya. Walaubagaimanapun sebagai langkah pihak Autoriti Perancang di dalam menambah baik proses menghadapi permohonan Kebenaran Perancangan sedia ada, berikut dimaklumkan beberapa perubahan yang berkuatkuasa pada tarikh di atas:

**1. MENGHADAPKAN PELAN BERSIH BAGI PERMOHONAN KP YANG TELAH DILULUSKAN SEBELUM 21/3/2020**

Pelan Bersih untuk dihadapi ke Jabatan Perancang Bandar dan Desa seperti lazimnya. Adapun demikian, sebagai langkah pencegahan bagi membendung penularan wabak COVID-19, kaunter jabatan ditutup buat sementara waktu. Tuan / Puan **bolehlah meletakkan Pelan Bersih** bersama dokumen berkaitan ke dalam satu kotak bertanda **'For Approval'** yang disediakan di Kaunter Jabatan.

Pihak Jabatan akan menghubungi Tuan / Puan untuk mengambil Surat Kebenaran Perancangan bersama Pelan yang diluluskan dari satu kotak bertanda **'Approved'** yang disediakan di kaunter Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

**2. MENGHADAPKAN PELAN BERSIH BAGI PERMOHONAN KP YANG TELAH DILULUSKAN PADA DAN SELEPAS 21/3/2020**

Bermula pada 21/3/2020 pelan bersih **TIDAK** perlu dihadapi lagi ke Jabatan ini dan cawangan-cawangan. Pihak Jabatan akan mengeluarkan Kebenaran Perancangan **secara atas talian** dengan menggunakan kaedah email kepada email syarikat Tuan/ Puan (buat sementara waktu sehingga kaedah melalui sistem dimaklumkan kemudian).

Tuan/ Puan bolehlah **memeriksa email dan memuat turun** Kebenaran Perancangan serta lampiran- lampiran berkenaan untuk rujukan Tuan / Puan dan proses selanjutnya.

### **3. MENGHADAPKAN PERMOHONAN BARU DAN PERMOHONAN PINDAAN BERMULA 25 / 3 / 2020**

Mana- mana **permohonan baru** serta **permohonan yang di dalam peringkat pindaan yang bertarikh pada dan selepas 25 / 03 / 2020**, permohonan berkenaan hendaklah **dihadapkan melalui eKP dengan keperluan tambahan berikut:**

- a) Borang Permohonan Kebenaran Perancangan yang boleh dimuatturun melalui website Jabatan [www.mod.gov.bn/tcp](http://www.mod.gov.bn/tcp) untuk disertakan semasa menghadapkan permohonan, dan untuk di muat naik di dalam menu dokumen-dokumen sebagai "lain-lain" ; dan
- b) Semua Pelan yang dimuat naik ke dalam sistem eKP **hendaklah** sekurang-kurangnya **ditandatangani oleh QP atau Building Draughtsman.**

Bagi pertanyaan bolehlah menghubungi Jabatan ini melalui talian berikut;

Tel. No: 2382591 Ext 6014

Hotline: 8200 222 (WA dan SMS sahaja)

Sekian untuk makluman dan rujukkan bersama.